



**PEKELILING PEJABAT KEWANGAN  
DAN PERBENDAHARAAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
BILANGAN 4 TAHUN 2023**

Semua Pegawai Pengawal  
Negeri Sembilan Darul Khusus

---

**PERATURAN DAN KADAR BEKALAN PAKAIAN SERAGAM BAGI  
JABATAN / AGENSI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

---

## TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan peraturan baharu berhubung pembekalan pakaian seragam kepada penjawat awam bagi Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan.

## LATAR BELAKANG

2. Jabatan Negeri dibenarkan untuk membuat perbelanjaan bagi pakaian seragam mengikut kelayakan seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil.7 Tahun 1990, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 1995, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2014 dan Pekeliling Perbendaharaan W.P 2.3 – Peraturan Bekalan Pakaian Seragam Serta Kemudahan dan Kadar Bekalan Kasut Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam.

## TAFSIRAN

3. Melainkan sesuatu itu terjelas maksudnya dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah hendaklah dipatuhi:

“**Pakaian Seragam** adalah bermaksud pakaian dan kelengkapan lain yang dibekalkan kepada pegawai yang layak seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.7 Tahun 1990, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 1995 dan akta / peraturan perkhidmatan berkaitan serta pindaannya.”

## KEMUDAHAN BEKALAN PAKAIAN SERAGAM

- 4.1 Kerajaan Negeri bersetuju untuk membekalkan pakaian seragam kepada skim jawatan yang layak antaranya kepada Pemandu Kenderaan, Pembantu Am Pejabat, Pembantu Awam dan Pengawal Keselamatan, sebanyak **dua (2) pasang** setahun berdasarkan kadar seperti berikut:

### Semua Jabatan Negeri

| Jenis Pakaian          | Kadar Maksimum Sepasang (RM) |
|------------------------|------------------------------|
| Pakaian Seragam Lelaki | 250.00                       |
| Pakaian Seragam Wanita | 250.00                       |

**Jabatan Perhutanan Negeri**

| <b>Jawatan / Gred</b>          | <b>Jenis Pakaian</b> | <b>Kadar Maksimum Sepasang (RM)</b> |
|--------------------------------|----------------------|-------------------------------------|
| Pengawas Hutan<br>Gred G19-G26 | Pakaian Pejabat      | *250.00                             |
|                                | Pakaian Lapangan     | *150.00                             |
| Pembantu Awam<br>Gred H11-H14  | Pakaian Pejabat      | 150.00                              |

\*tidak termasuk aksesori

- 4.2 Jabatan Negeri hendaklah menguruskan pembekalan pakaian seragam mengikut kaedah-kaedah seperti yang telah ditetapkan di bawah Pekeliling Perbendaharaan W.P 2.3 – Peraturan Bekalan Pakaian Seragam Serta Kemudahan dan Kadar Bekalan Kasut Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam.

**KEMUDAHAN BEKALAN KASUT**

- 5.1 Kerajaan Negeri bersetuju untuk membekalkan maksimum **dua (2) pasang kasut** kepada pegawai yang layak mengikut tugas-tugas yang dilaksanakan berdasarkan kadar maksimum seperti berikut:

| <b>Bil.</b> | <b>Jenis Kasut</b>    | <b>Kadar Maksimum Sepasang (RM)</b> |
|-------------|-----------------------|-------------------------------------|
| 1.          | Kasut Hitam           | 180.00                              |
| 2.          | Kasut But Keselamatan | 230.00                              |

- 5.2 Jabatan Negeri hendaklah menguruskan pembekalan kasut berdasarkan prosedur perolehan kewangan yang berkuat kuasa mengikut bilangan kelayakan pegawai di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1995 dan Akta/ Peraturan perkhidmatan berkaitan serta pindaannya.
- 5.3 Bagi pegawai yang layak dibekalkan dengan kasut/ but keselamatan jenis kulit, Jabatan Negeri boleh membenarkan pegawai membeli kasut dan seterusnya membuat tuntutan bayaran balik yang disokong dengan resit bagi pembelian kasut mengikut bilangan dan kadar kelayakan.

**TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL**

6. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan perkara-perkara berikut:

- 6.1 Menguruskan bekalan pakaian seragam kepada pegawai masing-masing pada setiap tahun mengikut prosedur perolehan dan peraturan kewangan semasa yang telah ditetapkan;
- 6.2 Menentukan keperluan dan spesifikasi kasut adalah bersesuaian dengan tugas pegawai; dan
- 6.3 Memastikan peruntukan tahunan jabatan adalah mencukupi bagi menyediakan pakaian seragam kepada pegawai pada setiap tahun.

## **PEMAKAIAN**

- 7.1 Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.
- 7.2 Pekeliling ini membatalkan Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus Bilangan 4 Tahun 2019, Peraturan Dan Kadar Bekalan Pakaian Seragam Bagi Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Sembilan bertarikh 23 Januari 2019.
- 7.3 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya ditandatangani.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERSIH.MUAFAKAT.SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATU' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh: 17 Mac 2023

s.k : YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus